

Pentaksiran Holistik di Rangkaian Sekolah-Sekolah IKRAM-MUSLEH: Satu Perkongsian Pengalaman Pelaksanaan Program Pembangunan (Kemenjadian) Pelajar IKRAM-MUSLEH

MEGAT MOHAMED AMIN BIN MEGAT MOHAMED NOR
NOOR AZLAN BIN AHMAD ZANZALI, Ph. D

IKRAM-MUSLEH

ABSTRAK

Instructional leadership membawa maksud peranan kepimpinan dalam melahirkan atau meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pemudahcaraan (PdPC) melalui program inovasi yang dilaksanakan di sekolah. Kertas kerja ini akan menggariskan peranan IKRAM-MUSLEH dalam membina dan membangunkan diri pelajar-pelajar seperti mana yang dihasratkan oleh falsafah dan matlamat pendidikan Islam ke arah melahirkan insan rabbani¹. Dengan mengambil contoh Rasulullah s.a.w. sebagai pemimpin instruksional yang ideal, kepimpinan IKRAM-MUSLEH menjalankan pengisian aktiviti PdPC selaras dengan arus perdana pendidikan. Rasulullah s.a.w. misalnya telah memilih kaedah PdPC yang bersesuaian dengan audiensnya – sama ada secara individu, berkumpulan atau ucapan rapat umum. IKRAM-MUSLEH juga telah mewujudkan mekanisme membimbing, memantau dan menilai pelaksanaan sistem pendidikan di peringkat sekolah. Usaha menerapkan unsur-unsur kekuatan hakiki ini adalah bersesuaian dengan tuntutan Al-Quran al-Karim dan sunnah Ar-Rasul s.a.w. IKRAM-MUSLEH berpegang kepada prinsip bahawa para pelajar seharusnya diberi pendidikan secara tauhidik (holistik dan bersepadu) sehingga mereka mampu menghayati sifat-sifat insan rabbani. Pengalaman IKRAM-MUSLEH jelas menunjukkan bahawa penghayatan sifat-sifat insan rabbani dalam diri para pelajar mempunyai korelasi yang tinggi dengan kecemerlangan mereka dari segi akademik. Malahan, IKRAM-MUSLEH berpandangan bahawa peribadi insan kamil merupakan pra-syarat kepada kecemerlangan akademik mereka. Pendakwah mithali² bukan sahaja mempamerkan akhlak mulia dalam kehidupan seharian tetapi mereka juga menunjukkan pencapaian tinggi dalam bidang akademik. Kertas kerja ini akan menggariskan aktiviti dan program inovasi yang dilaksanakan di sekolah IKRAM-MUSLEH dalam menentukan kemenjadian murid, bersesuaian dengan tuntutan AL-Quran dan As-Sunnah.

¹ Rabbani bermaksud mendapat keredhoan Allah swt, memiliki ciri-ciri murabbi dan beramal berdasarkan ajaran Islam.

² Mithali bermaksud patut diteladani sepertimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah s.a.w.

PENGENALAN

Kepimpinan instruksional itu sendiri membawa erti sebarang usaha ke arah menggalakkan dan menyokong pihak-pihak yang terlibat dalam proses PdPC bagi mencapai matlamat sekolah dan pembentukan satu sistem sosial sekolah yang kukuh. Kepimpinan instruksional juga turut melibatkan usaha-usaha penyediaan inovasi kurikulum dan perkembangan proses PdPC demi menjayakan matlamat sekolah. Dalam konteks matlamat pendidikan yang dianjurkan oleh IKRAM-MUSLEH, nilai tambah yang ingin diusahakan adalah supaya pelajar bukan sahaja mampu mencapai kecemerlangan akademik, tetapi mampu untuk mencapai tahap kemenjadian kecemerlangan sahsiah, berasaskan Falsafah Pendidikan Islam. Kedua-dua faktor ini disepadukan dalam konteks sistem PdPC yang wujud di semua Sekolah Rendah Islam dan Sekolah Menengah Islam. Walaupun ini merupakan hasrat kebanyakan institusi pendidikan, tetapi IKRAM-MUSLEH mempraktikkan hasrat ini dalam program PdPC iaitu seseorang murid dinilai dari aspek pencapaian akademik dan pada masa yang sama, dinilai juga dalam aspek tahap pencapaian dalam beberapa ciri keperibadian seorang Muslim.

INOVASI ATAU AMALAN TERBAIK

Inovasi dan amalan terbaik adalah berkait rapat dengan ciri-ciri pelajar yang ingin dihasilkan melalui sistem pendidikan institusi tersebut. IKRAM-MUSLEH, sebagai institusi yang memperkasakan pendidikan Islam, sentiasa berusaha meningkatkan keberkesanan proses kemenjadian pelajar sebagai insan rabbani yang akan mewarisi gerak kerja dakwah Islamiah seperti mana yang telah ditunjukkan oleh para anbia'³ dan rasul a.s. semenjak daripada nabi Adam a.s. sehinggalah kepada Rasulullah s.a.w. Persoalannya, apakah sistem pendidikan yang mampu menghasilkan ciri-ciri pelajar seperti yang dinyatakan di atas? Kemenjadian murid, berdasarkan petunjuk daripada Al-Quran al-Karim dan as-Sunnah, boleh dicapai dengan mewujudkan "biah tarbiah solehah" atau suasana pembangunan sahsiah pelajar yang baik (*conducive character-building school climate*). *Biah tarbiah solehah* meliputi skop berikut:

(a) Pengelolaan

Aspek ini akan mengurus perkara-perkara dasar dan polisi seperti perancangan strategik, carta organisasi dan keabsahan⁴ institusi.

(b) Jaminan Kualiti

Aspek ini akan mengurus perkara-perkara *effectiveness*, *efficiency* dan keberkatan dalam mengoperasi institusi.

³ Anbia' bermaksud nabi-nabi.

⁴ Keabsahan bermaksud keadaan sah, kedudukan yg sah, kesahan: dan legitimasi politik itu sendiri secara yg berkesan harus berdasarkan kemahuan rakyat dan pengikut umumnya.

(c) Sumber Manusia

Aspek ini akan mengurus perkara-perkara proses pentarbiahan⁵ pendidik, staf dan pelajar; di samping profesionalisme perguruan dan staf.

(d) Kemudahan dan Kelengkapan

Aspek ini akan mengurus keperluan infrastruktur pentadbiran, kurikulum, kokurikulum dan kebajikan pelajar, pendidik, staf dan Persatuan Ibu bapa dan Guru (PIBG).

(e) Operasi

Aspek ini akan mengurus perkara-perkara berkaitan pentadbiran pelajar, pendidik dan staf seperti perjawatan, skim perkhidmatan, penilaian prestasi kakitangan, rekod kedatangan dan kemasukan.

(f) Proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPC)

Aspek ini akan mengurus perkara-perkara berkaitan PdPC seperti sukatan pelajaran, rekod pencerapan, rancangan mengajar, rekod aktiviti kokurikulum dan program peningkatan.

Bagi memastikan proses kemenjadian pelajar berjaya, inovasi dan amalan terbaik berikut telah dilaksanakan:

i. Ilmu Asas

(a) Sukatan Pelajaran Ilmu Syariah (SPIS)

Ini adalah berkaitan dengan ilmu pengetahuan agama Islam yang diperlukan pelajar seperti fiqah, 'aqidah, akhlak, sirah, tafsir, hadis dan bahasa Arab.

(b) Buku Teks Ilmu Syariah (BTIS)

Ini adalah berkaitan dengan bahan bantu PdPC bagi SPIS.

(c) Kaedah Cepat Membaca Al-Quran (Iqra)

Ini adalah berkaitan dengan kaedah dan teknik PdPC Al-Quran dengan efektif dan efisien; di samping mengukuhkan pembelajaran bahasa Arab dan penerapan akhlak mulia.

ii. Kepemimpinan Pelajar

(a) Manhaj Tarbiah Pelajar IKRAM-MUSLEH (MTPIM), Daurah I'dad Duat (DID), Daurah Pelajar Tingkatan 3

Ini adalah berkaitan dengan proses yang perlu dilalui oleh setiap pelajar dari sudut pembinaan fikrah, kemahiran, sahsiah dan wala'⁶.

⁵ Pentarbiahan bermaksud pembangunan sahsiah, perwatakan dan karakter seseorang.

⁶ Wala' bermaksud ketaatan kepada Allah s.w.t.

(b) Kadet Remaja Sekolah MUSLEH (KRS MUSLEH), Nadwah Kepemimpinan Pelajar (NKP), Latihan Kader Duat (LKD) dan Kembara Dakwah (KD)

Ini adalah berkaitan dengan pembentukan kemampuan kepimpinan pelajar.

iii. Sistem Pentaksiran Holistik dan Bersepadu

Sistem Pentaksiran Pelajar IKRAM-MUSLEH (SPPIM) dan Pentaksiran Konstruk Pelajar IKRAM-MUSLEH (PKPIM) adalah proses mengenal pasti pencapaian dimensi kemanusiaan seseorang pelajar bagi membina dan melahirkan insan rabbani yang bersedia menghadapi penghisaban Ilahi azza wa jalla di Yaumul Hisab. (Falsafah Pentaksiran IKRAM-MUSLEH)

Sistem Pentaksiran Pelajar IKRAM MUSLEH (SPPIM)

Peserta SPPIM adalah para pelajar tahun 6 Sekolah Rendah Islam (SRI) dan para pelajar tingkatan 4 Sekolah Menengah Islam (SMI). SPPIM melihat kepada pencapaian pelajar (achievement test) terhadap segala apa yang telah dipelajarinya secara kognitif. *It is an assessment of learning*. Ia terbahagi kepada bahagian bertulis dan amali. SPPIM diadakan secara berpusat. Ini bermakna bahawa semua aspek SPPIM dikendalikan oleh IKRAM-MUSLEH iaitu dasar dan polisi, peraturan, penyediaan item, penyemakan item, keputusan dan analisis keputusan. Kini, IKRAM-MUSLEH sedang membuat kajian kesesuaian melaksanakan SPPIM di peringkat sekolah sahaja.

Pentaksiran Konstruk Pelajar IKRAM-MUSLEH (PKPIM)

Pada masa yang sama, peserta SPPIM juga menduduki PKPIM. PKPIM melihat kepada tahap di mana keperibadian pelajar berada. *It is an assessment for learning*. Ia adalah proses pembentukan pelajar secara sistematik dan berterusan sepanjang tahun. Setelah dikenal pasti tahap setiap pelajar, maka usaha-usaha intervensi, seperti Kem Tahsin Solat, akan dilaksanakan sehinggalah pelajar berkenaan mencapai tahap yang tertinggi.

Bagi tujuan mengenal tahap pelajar (penrekodan skor), sesi mentor mentee berkumpulan (setiap minggu) dan sesi mentor mentee *one to one* (mengikut persetujuan bersama) di adakan.

Penrekodan skor secara resmi diadakan 2 kali setahun. Sesi khas reviu proses PKPIM selepas setiap kali penrekodan. Program taklimat kepada ibu bapa, pendidik, ahli Lembaga Pengelola Sekolah, Pengetua dan Guru Besar diadakan di setiap awal tahun bertujuan mendapatkan sokongan dan dokongan semua pihak. Para pentaksir (assessor) dikehendaki memberi skor yang tepat supaya tidak menzholimi pelajar atau anak masing-masing. Skor yang tidak tepat akan merencatkan perkembangan keperibadian pelajar.


PROSES SISTEM PENTAKSIRAN PELAJAR IKRAM-MUSLEH (SPPIM) dan PENTAKSIRAN KONSTRUK PELAJAR IKRAM-MUSLEH (PKPIM)

Pada IKRAM-MUSLEH, pentaksiran berasaskan andaian bahawa pentaksiran adalah satu proses mengutip dan menggunakan maklumat mengenai prestasi pembelajaran murid. Pentaksiran dan penilaian kedua-duanya menerangkan proses yang terlibat dalam mengutip dan menginterpretasi maklumat untuk tujuan memahami samada proses pengajaran dan pembelajaran terlaksana dengan efektif, efisien dan barokah. Maklumat ini amat penting untuk membuat keputusan mengenai langkah-langkah yang diperlukan untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran. (Harlen, 2007; Harlen, 2008; Noor Azlan Ahmad Zanzali, 2005; Khodori Ahmad, 2001; Salvia, & Yaseldyke 2001)".

Pentaksiran pendidikan ialah usaha formal untuk menentukan status pelajar berdasarkan pembolehubah pendidikan yang dihasratkan (Popham, 2006). Proses ini berbeza dengan proses penilaian yang pada umumnya bermatlamat untuk menentukan kedudukan pelajar berbanding dengan rakan sebayanya. Rajah 1 menunjukkan proses pentaksiran SPPIM dan PKPIM

Di semua sekolah IKRAM-MUSLEH, proses pentaksiran melalui SPPIM dan PKPIM dilaksanakan. SPPIM dan PKPIM adalah satu sistem pentaksiran yang membolehkan pelajar menghayati sepenuhnya hasrat dan maksud beberapa dimensi kemanusiaan (seperti kekeluargaan, amanah, solat) sebagai amalan harian tanpa pengawasan. Dimensi kemanusiaan ini dalam SPPIM dan PKPIM dirujuk sebagai konstruk.

SPPIM dan PKPIM digubal supaya dapat mengukur tahap pencapaian pelajar, mengenal pasti sebab-sebab pelajar tidak mencapai tahap yang lebih baik, mengenal pasti langkah-langkah yang perlu diambil untuk membantu pelajar mencapai piawai kriteria/ciri, mengukur usaha dan inisiatif pelajar (selain daripada pencapaian), mengenal pasti potensi pelajar, memberikan motivasi kepada pelajar menerusi maklum balas perkembangan diri mereka dalam mencapai piawai kriteria/ciri dan memudah cara proses pencapaian piawai kriteria/ciri pada kadar yang lebih cepat, lengkap dan menyeluruh. Murid dibimbing dengan program-program intervensi untuk mencapai tahap-tahap tertentu iaitu dari peringkat kesedaran sehingga ke peringkat pengiktirafan seperti yang ditunjukkan dalam gambarajah 1.



Rajah 1: Proses pentaksiran SPPIM dan PKPIM

RASIONAL DI SEBALIK INOVASI ATAU AMALAN TERBAIK

Pendidikan adalah proses pembinaan pelajar sehingga mereka menjadi insan rabbani. Dengan demikian, sebarang proses pendidikan haruslah memberi tumpuan kepada pembentukan dimensi kemanusiaan dengan menghasilkan konstruk yang dijanakan dari Falsafah Pendidikan Islam.

i. Dimensi kemanusiaan

Ini adalah perkara dalam diri manusia, yang perlu dibentuk atau dibangunkan atau diperkembangkan atau diperelokkan menerusi pendidikan. Dalam bentuk yang lebih am, apa sahaja yang kita hasratkan untuk dibentuk dalam diri seseorang menerusi pendidikan dikenali sebagai konstruk. (Khodori Ahmad, 2001).

Konstruk boleh dibahagikan kepada 5 kategori:

- i. Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sosial. (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1988)
- ii. Minda sedar, minda bawah sedar, minda super sedar dan jasad. (Hasni Mohamad, 1994).
- iii. Kognitif, Afektif dan Psikomotor. (Bloom, 1956)
- iv. Konkrit dan abstrak. (Khodori Ahmad, 2001).
- v. Aqal, Ruh dan Jasad. (Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 2005).

Mengambil kira kategori-kategori konstruk seperti di atas, maka, proses kemenjadian pelajar perlulah holistik dan bersepadu. Dalam pendidikan Islam, pendekatan ini dikenali sebagai pendekatan tauhidik iaitu pendekatan yang berteraskan kepada konsep aqidah at-tauhid. Proses ini seharusnya efektif, efisien dan barokah. Dalam pendidikan Islam, proses yang efektif, efisien dan barokah ialah proses yang mendapat taufik daripada Allah SWT.

Pada asasnya, IKRAM-MUSLEH menjalankan dua program serentak untuk para pelajar iaitu:

- I. Program akademik melalui kurikulum anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia. Setiap pelajar diwajibkan menduduki ujian pendidikan awam (Ujian Penilaian Sekolah Rendah, Penilaian Tingkatan 3 dan Sijil Pelajaran Malaysia).
- II. Program tarbiah melalui Manhaj Tarbiah Pelajar IKRAM-MUSLEH (MTPIM). Setiap pelajar diwajibkan memperbaiki kualiti diri mereka secara berterusan berdasarkan marhalah (peringkat) rabtul am, tamhidi dan muaiyid.

Aspek-aspek asas pemeringkatan adalah seperti berikut:

1. Definisi Marhalah (Syarat Kelayakan)

- i. Rabtul Am: Peribadi muslim yang baik
- ii. Tamhidi: Peribadi yang memiliki sifat-sifat yang terpuji serta ciri-ciri asas Islam dan tidak dicemari sesuatu yang mengaibkan dan tiada perhubungan dengan musuh Islam.
- iii. Muaiyid: Individu yang menyokong fikrah IKRAM, mengambil berat untuk menyebarkannya, mengambil berat isu-isu mengenai umat Islam dan mempelajari beberapa kefahaman asas dalam dakwah.

2. Ciri-ciri Marhalah: Nilai-nilai yang akan dibina (Mohd Parid, 2018)

- i. Aqidah Sejahtera
- ii. Ibadah Yang Sahih
- iii. Akhlak Yang Mantap
- iv. Mampu Bekerja
- v. Berpengetahuan
- vi. Tubuh Yang Cergas
- vii. Mujahadah (Menguasai Diri)
- viii. Teratur urusannya
- ix. Sangat Menghargai Masa
- x. Bermanfaat Kepada Orang Lain

3. Objektif Marhalah (Pencapaian atau Hasil)

- i. Rabtul Am: Meningkatkan minat dan komitmen kepada penghayatan Islam
- ii. Tamhidi: Memahami asas-asas Islam yang umum dari sudut 'Aqidah, Syariat dan Akhlak.
- iii. Muayyid:
 - a) Merasa kepentingan Amal Jamaei demi kepentingan Islam.
 - b) Keperluan menggabungkan diri ke dalam pergerakan Islam untuk menegakkan agama Allah swt di atas muka bumi.
 - c) Memiliki ciri-ciri asasi seorang Muslim.

4. Pemingkatan kemenjadian pelajar

Ini dipantau melalui proses Sistem Pentaksiran Pelajar IKRAM-MUSLEH (SPPIM) dan Pentaksiran Konstruk Pelajar IKRAM-MUSLEH (PKPIM) yang berasaskan kepada 5 peringkat:

- i. Peringkat 1
Kesedaran dan keinsafan: Pelajar sedar, insaf dan mengetahui konstruk yang akan ditaksir.
- ii. Peringkat 2
Ilmu dan kefahaman: Pelajar mempunyai ilmu dan kefahaman tentang konstruk.
- iii. Peringkat 3
Latihan dan amalan: Pelajar berusaha untuk beramal dan menghayati konstruk.
- iv. Peringkat 4
Penghayatan: Pelajar menghayati konstruk sebagai amalan harian tanpa sebarang pengawasan dari sesiapa pun.
- v. Peringkat 5
Pengiktirafan: Pelajar bukan sahaja menghayati konstruk, malah beliau mengajak orang lain menghayati konstruk tersebut justeru pencapaian pelajar diiktiraf dan ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi.

5. Wasail⁷ (kaedah) tarbiah

- i. Halaqah⁸
- ii. Qiyamulail⁹
- iii. Daurah¹⁰
- iv. Rehlah¹¹
- v. Tazkiah¹²
- vi. Mukhayyam¹³

Peranan pendidik dan kakitangan sekolah, khususnya para pendidik, adalah amat penting dalam menjayakan pemeringkatan kemenjadian pelajar. Oleh itu, mereka wajib menjalankan sistem tarbiah yang dikhaskan untuk mereka iaitu Manhaj Tarbiah IKRAM-MUSLEH.

6. Tempoh atau Masa Pelaksanaan

Program tarbiah ini sudah terlaksana di SRI-SMI semenjak tahun 1990 iaitu apabila SMI ditubuhkan. Manakala, SPPIM mula dilaksanakan pada tahun 2002 dan disusuli dengan PKPIM pada tahun 2010

7. Hasil

Pencapaian kemenjadian pelajar SRI-SMI IKRAM-MUSLEH semenjak tahun 2002 adalah sangat membanggakan.

a) Pencapaian murid dalam proses pentarbiahan.

Pencapaian murid dalam tahap Rabtul Am, Tamhidi dan Muayyid adalah seperti yang ditunjukkan dalam jadual 1.

⁷ Imam Hasan al-Banna juga menggunakan istilah nizam-nizam (sistem-sistem) menunjukkan bahawa setiap satu perkara mempunyai sistem yang lengkap

⁸ Halaqah adalah kaedah utama bagi membina iman dan fikrah serta merupakan asas utama pembinaan peribadi seseorang muslim yang akan mewarnai seluruh urusan hidupnya bertepatan dengan al-Qur'an dan al-Sunnah.

⁹ Qiamullail adalah kaedah tarbiah ruhiyah, bermalam bersama dengan ahli dan menghidupkan malam dengan beribadah.

¹⁰ Daurah adalah kaedah intensif untuk membekalkan peserta dengan bahan fikrah dan pengalaman penting untuk mengembangkan kemampuan ahli dan menambah pengetahuan yang tidak dapat dilaksanakan oleh murabbi.

¹¹ Rehlah adalah wasilah tarbiah sosial yang dilaksanakan secara jamaie dalam kalangan ahli.

¹² Berusaha menyucikan jiwa, meninggikan akhlak dan memperbaiki budi pekerti serta menentang adat resam yang bercanggah dengan Islam di dalam masyarakat.

¹³ Mukhayyam adalah kaedah tarbiah jasmani melalui latihan fizikal dan simulasi disiplin dan ketaatan agar ahli bersedia menjadi anggota dakwah dan bersiap sedia menerapkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat.

Jadual 1: Data taburan pemeringkatan tarbiah pelajar SMI (sasaran Disember 2018)

BIL	SEKOLAH	RA	1	2	JUMLAH
1	SMI AL-AZHAR JITRA 8	0	20	8	28
2	SMI AL-ISLAH SG. PETANI 28	0	28	28	56
3	SMI ARAB TAHFIZ TOK BEDU 2	12	2	2	16
4	SMI AL ITQAN TELOK KUMBAR 4	0	12	4	16
5	SMI AL HIDAYAH IPOH 18	0	48	18	66
6	SMI HIRA JERAM 32	0	51	32	83
7	SMI AL-AMIN GOMBAK 29	93	16	29	138
8	SMI AL-AMIN BANGI 20	0	45	20	65
9	MAAHAD TAHFIZ AS-SAIDIYAH SEREMBAN 3	5	30	3	38
10	SMI HIDAYAH JOHOR BAHARU 31	52	45	31	128
11	SMI AL-IRSYAD KUANTAN 10	0	46	10	56
12	SMI AL-AMIN KEMAMAN 8	0	34	8	42
13	SMI AMAN BINJAI 12	0	25	12	37
14	SMI AL-AMIN BESTARI 8	0	49	8	57
17	AKADEMI TAHFIZ AMAN 0	0	5	0	5
	JUMLAH	162	456	213	831

b) Penghasilan Huffaz 565 138 128

Salahsatu hasil kemenjadian murid ialah kebolehan murid menghafaz al-Quran. Bilangan huffaz (30 juzu') yang telah diberi pengiktirafan sijil sehingga kini melebihi 1000 orang.

c) Kepimpinan pelajar

Kini, alumni murid SRI-SMI IKRAM-MUSLEH terlibat dalam pelbagai organisasi dakwah khususnya di peringkat kepimpinan pusat, negeri dan daerah. Terdapat juga sebilangan mereka yang terlibat dalam kepimpinan organisasi di institusi pengajian tinggi dan sebagai ADUN di kerajaan negeri.

IMPAK DAN CADANGAN

I. Kejayaan dicapai

Proses kemenjadian pelajar yang dihasilkan menunjukkan perkembangan yang bersepadu dari sudut akal, rohani dan jasad. Pendidikan IKRAM-MUSLEH sentiasa berusaha menjadikan pelajar sebagai fokus utama bagi memanfaatkan sepenuhnya potensi diri yang ada pada mereka. Antara program utama yang dilaksanakan oleh pelajar SRI-SMI IKRAM-MUSLEH demi memastikan kemenjadian pelajar mengikut acuannya adalah (rujuk lampiran):

Kesinambungan Pengajian – Para pelajar yang telah menamatkan pengajian mereka di SMI telah berjaya melanjutkan pengajian mereka di peringkat institusi pengajian tinggi sama ada di dalam mahupun di luar negara; dalam bidang akademik mahupun syariah.

Kejayaan yang dicapai di atas adalah dalam pelbagai bidang baik akademik mahupun bukan akademik. Ini adalah hasil daripada proses pentarbiahan yang holistik.

II. Cabaran yang dihadapi

- i. Mendapatkan pendidik yang kompeten dan komited dalam kerja-kerja dakwah dan tarbiah.

III. Cadangan untuk penambahbaikan

- i. Meningkatkan keberkesanan program tarbiah, kursus dan latihan profesionalisme perguruan secara *in-house* dengan efektif dan efisien

IV. Peranan guru IKRAM-MUSLEH

Insan Rabbani adalah suatu perjalanan. Oleh itu, proses pentarbiahan adalah berterusan. Insan Rabbani yang dibina melalui sistem pendidikan akan hanya boleh ditarbiah oleh para pendidik dan murabbi yang menguasai amalan instruksional yang berkesan dan dikendalikan dalam proses PdPC yang berkualiti. Oleh itu, bagi memastikan para pendidik memiliki fikrah, kemahiran, sahsiah dan wala' yang sama, program tarbiah para pendidik telah dijalankan, di samping program latihan dan kursus perguruan. Ini semua adalah bagi membolehkan para pendidik mampu menjalankan program kemenjadian pelajar secara efektif, efisien dan barokah.

PENUTUP DAN KESIMPULAN

Walaupun terdapat pelbagai kekangan, banyak kejayaan telah dicapai oleh IKRAM-MUSLEH. Kepimpinan instruksional yang bermula dengan pembinaan peribadi (Danial, 2007), diikuti dengan pencapaian akademik adalah fokus utama IKRAM-MUSLEH. IKRAM-MUSLEH telah mewujudkan sistem yang dapat memperkembangkan kedua-dua aspek sahsiah dan akademik dalam diri seseorang manusia. Ini merupakan suatu program inovasi yang telah dapat membantu proses kemenjadian pelajar berasaskan Falsafah Pendidikan IKRAM-MUSLEH.

RUMUSAN

- i. Alhamdulillah, program inovasi dan amalan terbaik seperti yang tersebut di atas, telah berjaya melahirkan pelajar sebagai Insan Rabbani yang bukan setakat cemerlang dari sudut akademiknya tetapi juga mereka aktif dalam gerak kerja dakwah Islamiah dan tarbiah di medan.
- ii. *Instructional leadership* membawa maksud peranan kepimpinan dalam melahirkan atau meningkatkan keberkesanan PdPC melalui program-program inovasi yang dilaksanakan di sekolah, bersesuaian dengan falsafah pendidikan yang dianuti.

- iii. Program inovasi ini merupakan sistem utama dan bukan sekadar sokongan dalam konteks proses kemenjadian pelajar Insan Rabbani.
- iv. IKRAM-MUSLEH menyediakan kepimpinan instruksional yang berkesan.
- v. Program Kadet Remaja Sekolah (KRS) Malaysia telah diubah suai menjadi KRS MUSLEH agar selari dengan Falsafah Pendidikan Islam yang didokongi IKRAM-MUSLEH.
- vi. Program tarbiah pelajar (melalui Manhaj Tarbiah Pelajar IKRAM-MUSLEH – MTPIM), pendidik dan staf (melalui Manhaj Tarbiah IKRAM-MUSLEH – MTIM) diberi keutamaan oleh semua pihak kepimpinan IKRAM-MUSLEH dan SRI-SMI.

RUJUKAN

Abdullah Nasih Ulwan (2000). *Pendidikan anak-anak dalam Islam*. Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd.

Bloom B. S. (1956). *Taxonomy of Educational Objectives, Handbook I: The Cognitive Domain*. New York: David McKay Co Inc.

Danial Zainal Abidin. (2007). *7 Formula Ciri Individu Cemerlang*. PTS Millenia Sdn Bhd.

Harlen, W. (2007). *Assessment and Learning*. Sage Publications.

Harlen, W. (2008). in Harlen, W. (Editor). *Volume 1: Student Assessment and Testing*. Los Angeles: Sage Publication.

Hasni Mohamad (1994). *Siapa Aku?*. Manuskrip yang tidak diterbitkan. Sekolah Adni.

Jasim Sultan (2008). *Dalil Murabbi. Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM)*.

Kementerian Pelajaran Malaysia (1988). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Standard Sekolah Rendah*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Khodori, Ahmad. (2001). *The cognitive assessment. Paper presented at the meeting for MUSLEH educators*. Kuala Lumpur.

Khodori Ahmad. (2001). *Total Assessment. Paper presented at the meeting of MUSLEH educators*. Kuala Lumpur.

Megat Mohamed Amin (2002). *Manual Sistem Pentaksiran Pelajar MUSLEH (SPPM)*.

Megat Mohamed Amin (2005). *Sistem Pentaksiran Pelajar IKRAM-MUSLEH: Taklimat kepada Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia*.

Mohd Parid Sheikh Ahmad. 2018. *Contoh-contoh Insan Rabbani Dari Sudut Sejarah dan Kontemporari*. Paper presented at a Round Table Discussion organized by IKRAM-MUSLEH on 20th March 2018. Kuala Lumpur Malaysia.

MUSLEH (MUSLEH 2010, pg. 10). Megat M Amin. *Manual Pengurusan Pentadbiran*

IKRAM-MUSLEH (2001). *Panduan Manual Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pelajar MUSLEH (SPPM)*. 2011.

IKRAM-MUSLEH (2001). *Sukatan Pelajaran Ilmu Syariah IKRAM-IKRAM-MUSLEH 2011*.

IKRAM-MUSLEH (2011). *Kadet Remaja Sekolah IKRAM-MUSLEH 2011*.

IKRAM-MUSLEH (2011). *Manhaj Tarbiyah IKRAM-IKRAM-MUSLEH 2011*.

IKRAM-MUSLEH (2011). *Sistem Pentaksiran Pelajaran IKRAM-MUSLEH 2011*.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady (2005). ***Ucap Utama 1***. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Pendidikan Islam. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

Noor Azlan Ahmad Zanzali (2005). *The Continuing Assessment Issues In Mathematics Education*. Plenary Paper Presented At The East Asia Conference In Mathematic Education. Unversity Science Malaysia.

Popham, WQ. James (2008). *Classroom Assessment: What Teachers Need to Know 5th Edition*.

Salvia, J. & Yaseldyke, J.E (2001). *Curriculum based assessment; 3rd Edition*. New York, USA: Macmillan.

Penganjur	Program	Pencapaian	Nama SRI/SMI
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Pertandingan Debat Antara Sekolah Kali ke-16, 2018	1. Johan (Kategori Bahasa Melayu) 2. Pendebat Terbaik Akhir (Kategori Bahasa Melayu)	SMI Al-Amin Gombak
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)	Debat Terbuka Antarabangsa Bahasa Arab UIAM Kali Ke-6, 2018	Naib Johan (Kategori Sekolah)	SMI Hidayah Johor Baru
Djampang Archery Community & Dompot Dhuafa Zona Madina	Djampang Field Archery Competition Zona Madina – Bogor 2018	Semi Final	Leftenan KRSM Muhammad Rubaie
Majlis Sukan Sekolah	Kejohanan Memanah MSS Johor 2018	Mewakili Johor Ke MSSM Kelantan 2018	Pusat Pendidikan Hidayah : 1. Muhammad Akid Bazli bin Ezaidin (Kategori L12) 2. Khadijah Afifah binti Ahmad Wafi (Kategori P12) 3. Muhammad Irfan Farhan bin Ezaidin (Kategori L15) 4. Amirah Firzana binti Edy Haffiz (Kategori P15) 5. Nurin Hanisah Shahrin (Kategori P18)
IKRAM Musleh	9 th Musleh International Students Debating Championship (MISDC 2018)	Semi Final	SMI Al-Amin Gombak
	Pertandingan Bahas Bahasa Melayu Ala Parlimen Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Gombak 2018	1. Johan 2. Pembahas terbaik	SMI Al-Amin Gombak: - Nik Faqihah Auni binti Nik Kalizan
Pejabat Mufti Singapura	Pertandingan Debat Bahasa Arab Piala Pejabat Mufti Singapura 2018	1. Ketiga 2. Pendebat Terbaik Tempat Ke 3, 4 Dan 5	SMI Hira' Jeram

Tamil Foundation, IKRAM, JOAS and LIG co-organised	Merdeka Go 10 September 2017	Mewakili IKRAM	SMI Hira'
Exco Ekspo dan Festival Majlis Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS)	Kalam Jamaie dalam Ekstival pada 22 Ogos 2017	Johan	SRI Al-Amin Bangi
Get Active! Singapore. Singapore National Games	National Games Archery Tournament 2017 yang telah berlangsung pada 29-30 Julai 2017 di Kallang Sport Centre, Singapore.	1. Juara (Kategori lelaki U12) 2. Naib Johan (Kategori Girls U16)	1. Muhammad Akid Bazli Bin Ezaidin (SRI Hidayah JB) 2. Nurin Hanisah binti Shahrin (SMI Hidayah JB)
China Traditional Archery Association	Festival Memanah Tradisional Dunia dan Festival Memanah Tradisional Universiti Dunia 2017 di Golmud Qinghai Province, China 25 - 29 Ogos 2017.	Mewakili Pasukan Memanah Malaysia	1. Mejar KRSM Kamaruzaman 2. Left Muda KRSM Muhammad Rubaie
Sime Darby Young Innovators Challenge 2017	Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan 7 Ogos 2017	1 st Runner Up	SMITQ Hira' Jeram
iCare UTM-KEJORA	Liga Pengaturcaraan Robot iCare UTM-KEJORA 2017 Peringkat Negeri Johor	Johan (Kategori Terbuka)	Pasukan Robotik Hidayah SMI Hidayah Johor Baru

Persatuan Aspirasi Pemimpin Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan dan MaGIC	Hackaton 2017 peringkat kebangsaan bertempat di Malaysia Global Innovation and Creativity Centre, Cyberjaya yang telah berlangsung pada 21-22 Mei 2017	Johan	Muhammad Firdaus Ali ketua pasukan Sekolah Menengah Islam Hidayah (SMIH) JB
Sime Darby	Young Innovators Competition 2017 (YIC '17) di UiTM pada 21 Mei 2017	Johan & Naib Johan dan terpilih untuk mewakili negeri ke peringkat kebangsaan	SMI Hira' Jeram
Anjuran bersama Cytron Technologies dan MDEC	Regional Level Robotics and Coding Competition 2017 pada 23 Mei 2017 di SMI Hira' Jeram	<ol style="list-style-type: none"> 1. Juara (Kategori Sekolah Menengah) 2. Ketiga (Kategori Sekolah Menengah) 3. Excellence Award 4. Juara (Kategori Sekolah Rendah) 	SMI Hira' Jeram SRI Hira' Klang
Pusat Pendidikan ISESCO di Malaysia-KUIS	Pertandingan Video Pendek Bahasa Arab Peringkat Antarabangsa pada 18 Disember 2016	Tempat Ketiga (Kategori Sekolah Rendah)	Suwaibatul Islamiyyah, Qurratul Ain, Aisyah Athirah, Nur Insyirah & Nur Sabihah. Sekolah Rendah Al-Azhar, Jitra, Kedah (SRAZ)
Rero (Cytron Technologies)	Rero Annual Championship (RAC'16) KLESF National Level Robotic Competition pada 4-6 November 2016	<ol style="list-style-type: none"> 1. Special award robot mind cart 2. Top 8 young innovate 3. 2nd runner up robot mind cart 4. Best design robot siege 	SMI Hira' Jeram
Sekolah Dato' Abdul Razak & KPM	Debat Bahasa Inggeris Piala Tun Razak 2016 28-30 Oktober 2016	Johan	SMIH Johor Baru

Robotic Organizing Committee Indonesia (ROCI) dan Kementerian Sains Teknologi dan Pengajian Tinggi, Indonesia (RISTEKDIKTI)	Kompetisi Robot Nasional (KRON 2016) pada 16 Oktober di Jakarta	1. Emas (Robot Creative Design melalui projek '21st Century Classroom Teaching Aid' yang bertajuk 'Phase of The Moon')	SRI Al-Amin Gombak : 1. Pasukan robotik Robot Creative Design:- Khairul Faris Khairul Azli, Alif Hakimi Mat Ali dan Mukhlis Muhammad Sharif 2. Pasukan robotik Volley Cup Robot Challenges :- Alif Hakimi dan Ahmad Fauzan Muzammil Ahmad Nizam. SRI Al-Amin Gombak
		2. Emas (Volley Cup Robot Challenges)	
		3. Perak (Volley Cup Robot Challenges)	
4. Perak (Brickspeed Challenges)			
5. Gangsa (Humanoid Trashure Hunt Robot Challenges)			
6. Gangsa (Volley Cup Robot Challenges)			
7. Tiga anugerah 'Special Award' dalam acara Humanoid Line Racing Robot Challenges, Humanoid Trashure Hunt Robot Challenges dan Brickspeed Challenges serta satu anugerah 'Appreciation Award'			
		1. Emas (Humanoid Line Racing Robot Challenges)	SMI Hira'
		2. Perak (Robot Creative Design)	
		Perak (2 ON 2 Soccer)	SRI Al-Amin Kuala Lumpur
UTM Skudai	Kejohanan Memanah UTM Open 2016	1. Naib Johan (Kategori Compound Lelaki) 2. Naib Johan (Kategori Recurve Lelaki) 3. Ketiga (Kategori Recurve Lelaki) 4. Johan (Kategori Recurve Wanita)	SMI Hidayah JB: 1. Muhammad Arieff Haikal bin Ezaidin 2. Muhammad bin Rosbi 3. Muhammad Irfan Farhan bin Ezaidin 4. Nurin Hanisah binti Sharin
IIUM	Kejuaraan Arabic Debate Championship di IIUM 7 - 10 October 2016	Top Ten Best Debaters	1. Izzah (SMI Hira') 6/108 2. Aanas farhan (SRIH JB) 7/108 3. Irfan (SRIH JB) 9/108 4. Salman (SM Sri Al-Amin Bangi) 10/108

UiTM, IM4U	Pertandingan Young Innovate 2016 Peringkat Negeri Selangor	Johan "Beruk Kena Belacan"	Team inovasi SMI Hira' :- Uqbah, Anas dan Rahimi
USIM	Konvensyen Keusahawanan Islam Fakulti Ekonomi Dan Muamalat USIM 2016	4 org alumni menjadi MT	Alumni IKRAM-MUSLEH:- 1. Burhainul asyraf (alumni SMIH JB) 2. Arof mohsin (alumni Hira Jeram) 3. Farhana wafa (alumni Hira Jeram) 4. Amirah syhadah (alumni Al-Amin Bangi)
Kolej Universiti Insaniah Negeri Kedah		Anugerah Tuanku Canselor Kolej Universiti Insaniah Negeri Kedah (KUIIN) Anugerah Jaizah Imtiyaz Kuliyah Syariah dan Undang-Undang	Anas bin Yaakub (alumni SRI/SMI Hira')
The Sarawak Sukma Games Committee	SUKMA Sarawak 2016	Mewakili squad Memanah Johor	SMI Hidayah Johor
MagicX dengan kerjasama Perintis, UTM, dan beberapa badan lain	STEM Apps Challenge 2016	Johan dan telah dipilih mewakili Malaysia ke program Super Science High School (SSH) Student Fair, Kobe Jepun yang berlangsung pada 10-11 Ogos 2016	SMI Hidayah JB : 1. Nur Hazirah Zainal 2. Hafizatul Syahirah Mohd Syahrizal
KPM	Standard Kualiti Pendidikan Swasta (SKIPS) 2016	Pengiktirafan 4 Bintang	SRI Aman Wakaf Bharu, Kelantan
Pusat Pendidikan Al Amin	Al Amin Robotic Challenge Asean Championship 23- 24 Julai 2016	Juara Keseluruhan	SRI Al-Amin Gombak
KAFA	Ihtifal KAFA Peringkat Daerah, Pertandingan Nasyid Sekolah Agama Rakyat 2016	Naib Johan (Banat)	SRI Al-Hidayah Seri Iskandar

	<p>2016</p> <ol style="list-style-type: none"> 1) Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa (PWTC) 1-30 juzuk 2) Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1-30 juzuk 3) Hafazan Al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan 1-30 juzuk 4) Hafazan Al-Quran Islamic Festival Za'ba (IFEZ) di UKM, Bangi <p>2015</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Hafazan Al-Quran Peringkat Negara Asia (BRUNEI) 1-30 juzuk 2. Hafazan Al-Quran Taj Waqar Saudi Arabia 1-30 juzuk 3. Hafazan Al-Quran Peringkat Antarabangsa (PWTC) 1-30 juzuk 4. Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan 1-30 juzuk 	<p>2016</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Naib Johan 2. Johan 3. Johan 4. Johan <p>2015</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Johan 2. Johan 3. Johan 4. Johan 5. Johan 6. Johan 	<p>Fariyah Zulkifli - alumni SMI Al-Amin Gombak</p>
--	--	--	---

	<p>5. Hafazan Al-Quran Ihtifal Huffaz Peringkat Kebangsaan 1-30 juzuk</p> <p>6. Hafazan Al-Quran Peringkat Wilayah Persekutuan 1-30 juzuk</p>		
MGBSIM	Karnival Amal Islami MGBSIM 2016	JUARA berganda	SRI & SMI Hidayah JB
KPM	Standard Kualiti Pendidikan Swasta (SKIPS) 2016	Pengiktirafan 5 Bintang	SRI Hidayah JB dan SMI Hidayah JB
		Pengiktirafan 4 & 5 Bintang	Al-Amin Bangi, Al-Amin Gombak dan Al-Amim KL dan Hira'
Yayasan Selangor & Jabatan Pendidikan Negeri Selangor.	Pertandingan Pidato Yayasan Selangor 2016 pada 29 April 2016 di Asrama Yayasan Selangor, Klang Selangor	<ol style="list-style-type: none"> 1. Johan 2. Naib Johan 3. Ketiga 	<ol style="list-style-type: none"> 1. SMI Al-Amin Gombak 2. Imran Zamil Najwah SMIH JB 3. Aefy Safira Eylia Binti Yunos (SMIH JB)
TV3	Qari Junior 2016	Peserta	Nurisya Khyra Bt Zamzuri (pelajar Tahun 3 Tabrani Sekolah Rendah Al-Islah)
KPM	Karnival Dakwah ke-42 2016	Johan Keseluruhan	SMI Hidayah JB
KPM	Standard Kualiti Institusi Pendidikan Swasta Peringkat Kebangsaan 2015.	Anugerah Lima Bintang	SR Al Islah SM Al-Islah SR Al Azhar SM Al Azhar
		Anugerah Lima Bintang Anugerah Empat Bintang	SRI Al-Amin Kemaman SMI Al-Amin Kemaman
International Robot Olympiad Commite (IROC) , the International Youth Robot Competition (IYRA) and	Kejohanan Asian Youth Robotic Olympiad (AYRO) Singapore 2016 (12-13 Mac 2016)	tiga pingat emas	Sekolah Rendah Islam Al Amin Gombak (SRIAAG)
		<ol style="list-style-type: none"> 1. Silvers Medal 2. 1Bronze Meda 3. 1Special Award 4. Grand Prize Winne 5. Appreciation Awards from 	SRIAACL

Singapore Robot Games (SRG)		MAI SCHOOL (Junior School Teacher)	
Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) Hulu Langat	Pertandingan perlawanan Bola Tampar peringkat Majlis Sukan Sekolah Daerah (MSSD) Hulu Langat di SMK Pandan Indah, Cheras pada Isnin (1/2/2016) sehingga Khamis (4/2/2016).	<ol style="list-style-type: none"> 1. 1) Lelaki bawah 18: Tempat ke-3 (kumpulan) 2. Lelaki bawah 15: Naib Johan (Akhir) 3. Perempuan bawah 18: Tempat ke-3 (Kumpulan). 4. Perempuan bawah 15: Tempat ke-4 (kumpulan). 	Ariff Fahim telah berjaya dipilih untuk mewakili daerah SM Sri Al-Amin Bangi
Penang Science Cluster	Young Innovate Competition'. peringkat kebangsaan Nov 2015	Best Video Award & Top 7	SMI HIRA'
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM Shah Alam	Pertandingan Litar Kereta Graviti 17 Nov 2015	Johan dan Tempat Ketiga	SMI Hira' Jeram